

UMS bervisi jadi universiti perdana yang bertaraf dunia

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membentuk satu visi untuk menjadikannya sebagai sebuah universiti perdana yang bertaraf dunia, dengan mempunyai beberapa pusat ke c e m e r l a n g a n penyelidikan dan pembangunan ilmu.

Naib Cencelor UMS, Profesor Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman berkata, pembentukan itu perlu

dalam menghadapi cabaran alaf baru, dunia tanpa sempadan, era globalisasi, perkembangan teknologi maklumat dan masyarakat berilmu.

Katanya, sebagai contoh pada masa ini UMS menjalankan 97 buah projek penyelidikan yang melibatkan kos RM2.1 juta termasuk lima projek yang dibiayai melalui mekanisme IRPA (Kementerian Sains dan Teknologi) iaitu

melibatkan projek-projek strategik.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan cek kerusi Kadazandusun dari kerajaan negeri kepada UMS di salah sebuah hotel di sini, semalam.

Kerajaan negeri yang diwakili Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Bernard Dompok menyerahkan cek bernilai RM2 juta kepada UMS bagi pelancaran penubuhan

kerusi Kadazandusun di UMS.

Sehubungan itu, katanya, dalam menjadi sebuah pusat kecemerlangan bertaraf dunia, UMS memerlukan sumbangan dana dari pelbagai pihak termasuk dari kerajaan, sektor swasta dan korporat serta individu dermawan dalam membentuk penubuhan k e r u s i - k e r u s i penyelidikan di UMS.

"Dengan adanya kerusi-

kerusi penyelidikan itu, UMS akan dapat menjemput para malim sarjana yang cemerlang ke universiti itu untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan yang berwibawa, berasaskan penemuan baru dalam pelbagai bidang," katanya.

Mengenai pengujudan Kerusi Kadazandusun di UMS, beliau berkata pengujudan itu akan menjadi obor untuk menggerak dan

memajukan penyelidikan serta penulisan ilmiah yang saintifik mengenai m a s y a r a k a t Kadazandusun dalam pelbagai bidang.

Abu Hassan berkata, selain pengajaran Bahasa Kadazandusun, terdapat juga dua projek penyelidikan yang ada kaitan dengan komuniti Kadazandusun yang sedang dijalankan oleh pelajar pasca-siswazah UMS. - UB

05 MARCH 1999
BORNEO POST